

## SIARAN MEDIA

---

### **MEMPERKASA MASYARAKAT SARAWAK MEMERANGI SCAM DAN ANCAMAN SIBER MELALUI PROGRAM JELAJAH ANTI-SCAM KEBANGSAAN**

**KUCHING, 2 September 2023** – Siri Program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2023 kini diteruskan di Sarawak demi meningkatkan usaha kesedaran awam dan memperkasa masyarakat di seluruh negara dalam memerangi penipuan (*scam*) dan ancaman siber yang lain. Program ini yang dianjurkan bersama oleh CyberSecurity Malaysia dan CelcomDigi dengan kerjasama Gabungan Bertindak Anti-Scam (GBAS) serta sokongan Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) diadakan pada 2 dan 3 September 2023 di Auditorium Borneo Cultures Museum, Kuching.

Program ini bertujuan berkongsi informasi mengenai lanskap keselamatan siber semasa, jenis-jenis ancaman *scam*, modus operandi terkini serta perkongsian tips dan amalan terbaik bagi mengelak dari menjadi mangsa jenayah *scam*.

Statistik Pusat Bantuan Cyber999 kendalian CyberSecurity Malaysia merekodkan 7,292 insiden keselamatan siber dari pengguna Internet di sepanjang tahun 2022 dengan tiga (3) insiden tertinggi iaitu Penipuan Dalam Talian (4,741 insiden); Kod Berbahaya (1,023 insiden) dan Pencerobohan termasuk penggodaman (755 insiden). Pada tahun ini, sehingga bulan Julai 2023 sebanyak 3,327 insiden keselamatan siber telah dilaporkan ke Cyber999, di mana Penipuan Dalam Talian masih berada di tangga teratas dengan 2,078 insiden.

Maka bagi menangani kegiatan ini secara proaktif, program jelajah ini telah diadakan di Selangor/Kuala Lumpur (18 Feb 2023), Perlis (20 Mei 2023) dan akan diteruskan ke Kelantan, Sabah, Johor serta Putrajaya.

"Usaha untuk memberi pendedahan dan pemahaman yang lebih mendalam kepada masyarakat mengenai *scam* termasuk teknik yang digunakan oleh *scammer* bagi memperdaya mangsa perlu diteruskan bagi mengurangkan jumlah insiden serta kerugian dari terus berlaku. Melalui penganjuran program ini di negeri Sarawak, kami berharap perkongsian ilmu oleh ahli-ahli panel sewaktu sesi dialog dan forum anti-*scam* akan dapat menyentuh lebih ramai individu, kelompok masyarakat serta komuniti Sarawak tentang ancaman *scam* selain memupuk sikap kawal kendiri dalam mendepani ancaman *scam* yang boleh berlaku kepada sesiapa jua," kata Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Mohd Zin (Bersara), Pengurus Lembaga Pengarah, CyberSecurity Malaysia.

Pengisian program selama dua hari ini meliputi sesi dialog dan forum anti-*scam* yang diterajui oleh pakar-pakar keselamatan siber dari CyberSecurity Malaysia, Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP), ahli akademi serta wakil-wakil agensi penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Bank Negara Malaysia (BNM). Manakala agensi Kerajaan Sarawak yang turut terlibat adalah Sarawak Information System Sdn. Bhd. (SAINS).

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif CelcomDigi, Datuk Idham Nawawi berkata, "Usahasama ini menekankan komitmen kami dalam membanteras *scam* berpandukan prinsip A.C.T (BERTINDAK) iaitu memupuk Kesedaran (Awareness), meningkatkan tahap Pematuhan (Compliance) yang tinggi dalam organisasi serta menyokong badan penguatkuasa, dan mengoptimumkan penggunaan Teknologi (Technology) sebagai senjata memerangi ancaman *scam*. CelcomDigi memahami kepentingan menyediakan kesalinghubungan internet yang kondusif dan selamat untuk semua pengguna selain bertanggungjawab menyemai kemahiran penggunaan internet yang selamat di kalangan rakyat Malaysia. Kami percaya bahawa inisiatif secara kolektif ini dapat memberikan impak yang besar dalam memerangi *scam* secara berkesan."

Program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2023 Peringkat Negeri Sarawak dirasmikan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak. Turut hadir ialah YB Fahmi Fadzil, Menteri Komunikasi dan Digital Malaysia; Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Mohd Zin

(Bersara), Pengerusi Lembaga Pengarah, CyberSecurity Malaysia; Dato' Ts. Dr Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia serta Datuk Kamal Khalid, Ketua Pegawai Transformasi CelcomDigi.

Seramai 350 peserta terdiri dari para pelajar IPT, pensyarah dan guru, golongan remaja dan belia, ibu bapa serta wakil komuniti setempat termasuk penjawat awam negeri Sarawak hadir ke sesi dialog dan forum anti-*scam* sempena program ini. Di samping perkongsian pengetahuan dan pengalaman pakar, pihak pengajur juga telah mengedarkan risalah anti-*scam* yang mengandungi maklumat ringkas mengenai *scam* dan ancaman siber yang lain serta langkah pencegahan dan cara melaporkannya. Orang ramai boleh memuat turun risalah tersebut di <https://cd.link/JAS23>.

**Dikeluarkan bersama oleh:**

**Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia**

**Jabatan Komunikasi, CelcomDigi**